

Guna logo halal tanpa kebenaran



Anggota penguat kuasa KPDNHEP membuat serbuan di sebuah kilang makanan di Kuala Pilah kelmarin.

Kilang makanan diserbu, biskut bernilai RM266.40 dirampas

Oleh NORAFIDAH ASSAN

KUALA PILAH

Sebuah kilang makanan yang disyaki memasar-kan produk menggunakan logo halal tanpa kebenaran pihak berkuasa di-serbu kelmarin.

Perakuan dan penandaan halal di kilang itu dikatakan telah ditarik balik pada penghujung tahun lalu tetapi didapati masih menggunakan tanda halal pada pembungkusan produknya.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, antara makanan yang dirampas ialah 48 bungkus biskut panjang dan 24 bungkus biskut bulat dengan nilai rampasan berjumlah RM266.40.

Beliau berkata, pemilik kilang terbabit disiasat di bawah Perintah 4(1) (a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) (Pindaan) 2012.

“Sekiranya didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi RM250,000 dan tidak melebihi RM500,000 untuk kesalahan kali kedua bagi perbadanan.

“Jika bukan perbadanan atau milikan tunggal denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga ta-

hun atau kedua-duanya dan denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kali kedua,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Ain Arjuna turut mengingatkan pengguna dan peniaga supaya peka terhadap penggunaan logo halal yang sah dan menge-mukakan aduan berhubung perkara itu melalui aplikasi WhatsApp di talian **0192794317** atau datang ke pejabat KPDNHEP berdekatan.

Sebelum itu serbuan dilakukan penguat kuasa KPDNHEP Cawangan Kuala Pilah dan Seremban itu bermula jam 10 pagi hingga 12.30 tengah hari membabitkan 13 anggota diketuai Ketua Cawangan KPDNHEP Kuala Pilah, Ahmad Khuzairi Salamat.